

BAB 4

BAB 4

ANALISIS KESILAPAN PENTERJEMAHAN TEKS BAHASA ARAB-MELAYU KE BAHASA MELAYU.

4.0 Pendahuluan

Bab ini akan menganalisis dapatan kajian berkaitan kesilapan yang terdapat dalam teks-teks terjemahan. Terdapat lebih kurang satu ratus lapan puluh (180) buah teks yang telah diterjemahkan oleh enam puluh orang pelajar. Dua puluh orang pelajar dari Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (selepas ini akan dinyatakan sebagai APIUM), dua puluh orang pelajar dari Kuliah Ilmu Wahyu dan Warisan Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (selepas ini akan dinyatakan sebagai KIWUIAM) dan dua puluh orang pelajar dari Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (selepas ini akan dinyatakan sebagai FPIUKM).

Setiap pelajar dikehendaki menterjemahkan tiga buah teks bahasa Arab yang terpilih, iaitu bertajuk “*Āfāq al-Mustaqbāl*” (آفاق المستقبل) (selepas ini akan dinyatakan sebagai AM1) diikuti dengan teks bertajuk “*Man Sāra Ala al- Darbi Wasala*” (من سار على الدرب وصال) (selepas ini akan dinyatakan sebagai MSADW2) dan teks yang terakhir bertajuk “*Hijrah al-Hayawānāti Ijāzun Ilāhiyyun*” (هجرة الحيوانات لغذاء إلهي) (selepas ini akan dinyatakan sebagai HHII3).

4.1. Analisis Bentuk-Bentuk Kesilapan Penterjemahan Teks Bahasa Arab Ke Dalam Bahasa Melayu.

Analisis data-data dalam bahagian ini akan menjelaskan contoh-contoh kesilapan yang dilakukan oleh para pelajar APIUM, KIWUIAM dan FPIUKM sepanjang proses penterjemahan dijalankan. Perbincangan akan tertumpu kepada kategori-kategori Kesilapan Dalam Penterjemahan Teks Bahasa Arab Ke dalam Bahasa Melayu seperti yang telah dihuraikan dalam bab 3. Huraian terhadap kesilapan dalam proses penterjemahan dapat dilihat dengan jelas seperti dalam kategori-kategori yang berikut:

4.1.1 Kesilapan Bahasa:

Dalam bahagian ini, penulis akan menampilkkan beberapa contoh kesilapan bahasa melalui terjemahan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar APIUM, KIWUIAM dan FPIUKM. Walau bagaimanapun, kesilapan-kesilapan lain turut dibincangkan. Ini adalah kerana kesilapan-kesilapan tersebut biasanya tidak datang secara berasingan sebaliknya ia datang secara bersepada. Contoh-contoh kesilapan dalam penterjemahan yang akan dipaparkan dalam bahagian ini telah dipilih secara rambang daripada ketiga-tiga teks. Ia dapat dilihat seperti berikut:

- 1). Contoh kesilapan yang diambil daripada teks “*Āfāq al-Mustaqbil*”

لَا بُدَّ أَنْ أَعْمَلَ مِنَ الْيَوْمِ ...

“... .mulai daripada hari ini aku mesti berusaha”

Terjemahan di atas kelihatan seperti tidak ada kesilapan jika dilihat sepantas lalu, namun jika diteliti terjemahan perkataan “min من” bermaksud *daripada* dalam ayat di atas adalah tidak tepat. Ini kerana menurut Nik safiah Karim (1993:225), kata sendi nama *dari* digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menyatakan arah, tempat, waktu dan masa. Manakala kata sendi nama *daripada* pula digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menyatakan punca bagi manusia, benda, haiwan, kejadian, sumber, dan unsur perbandingan atau perbezaan. Oleh yang demikian, perkataan *daripada* wajar ditukar dengan perkataan *dari*, jadi terjemahanya ialah :

“.....mulai dari hari ini aku mesti berusaha

2). Contoh kesilapan diambil daripada teks “*Man Sāra Alā al-Darbi Waṣala*

” مَنْ سَارَ عَلَى الدَّرْبِ وَصَلَّ

هَذَا وَتَهْتَمُ مَالِيْزِيَا اهْتِمَامًا وَاضْحَى فِي الْمَحَالِ التَّعْلِيْمِيِّ وَالثَّقَافِيِّ ...

“....Malaysia sangat mengutamakan di bidang pengajian dan keilmuan ... ”

Kata Kerja “*tahtammu* تَهْتَمُ” dalam terjemahan di atas, dapat diterjemahkan

sebagai “*mengutamakan*”. Menurut kaedah bahasa Melayu, kata kerja ini adalah dari jenis kata kerja transitif. Oleh yang demikian, ia mesti diikuti oleh frasa nama sebagai objek kepada kata kerja transitif. Ini bermakna kedudukan kata kerja transitif dengan objek tidak boleh disisipkan dengan kata-kata lain seperti kata sendi nama dan sebagainya. (Asraf 1992: 114). Selain daripada kesilapan bahasa, terjemahan di atas turut mengandungi beberapa kesilapan lain seperti sub-kategori kesilapan teknik iaitu, Kesilapan Menterjemah Frasa Makna Nahu.

Ayat **اَهْتِمَامًا وَاضْحَى**, menurut kaedah nahu bahasa Arab dikenali sebagai

“*Maf’ul Muylaq*”. Frasa ini menerangkan maksud perbuatan yang terhasil daripada kata kerja dari aspek jenis dan mutunya (Fuad Ni’mah 1973:69). Oleh yang demikian, terjemahan ayat di atas perlu menggambarkan maksud “*Maf’ul Muylaq*”. Ia boleh digambarkan dengan ayat “*sangat, amat atau dengan serius sekali*”. Selain daripada

itu, Perkataan **التعلّيُّمِيٌّ وَالثقَافِيٌّ** menurut nahu bahasa Arab, mengandungi huruf (ي) (ي) nasab yang bertanda sabdu (ي). Setiap perkataan yang mengandungi huruf (ي) nasab

perlu dinisbahkan dengan maksud perkataan tersebut (Fuad Ni’mah 1973:159). Oleh yang demikian, frasa di atas perlu diterjemahkan kepada “*Malaysia sangat mementingkan bidang yang berkaitan dengan pendidikan dan ilmu pengetahuan....*”

3). Contoh kesilapan diambil daripada teks **آفاقُ الْمُسْتَقِبِ** “*Āfāq al-Mustaqbal*

... قَلْبَهُ وَعَقْلَهُ مُشغُولَانِ بِالْأَمْوَارِ التِّي قَالَهَا وَالِّيَهُ وَأَسْتَاذُهُ نَهَارُ الْيَوْمِ ...

“.... Hati dan akalnya sibuk memikirkan tentang perkara yang disebutkan oleh ayahnya dan ustazahnya tengah hari tadi... ”.

Di dalam terjemahan di atas, ayat **مُشغُولَانِ بِالْأَمْوَارِ** telah diterjemahkan

kepada “*memikirkan tentang perkara...*”. Walau bagaimanapun, menurut kaedah nahu bahasa Melayu ayat di atas dianggap tidak gramatik. Ini kerana kata kerja transitif perlu disusuli dengan kata nama yang berfungsi sebagai objek tanpa ada sebarang sisipan antara kata kerja dengan kata nama (objek).

Sementara itu, terjemahan perkataan “أَسْتَاذَهُ” dengan maksud “ustazahnya”

adalah satu kesilapan yang besar. Hal ini disebabkan kecuaian atau tidak teliti dalam mengenalpasti perkataan tersebut. Penulis berpendapat, pelajar-pelajar terpengaruh

dengan ejaan Jawi lalu membaca perkataan tersebut mengikut ejaan Jawi, iaitu أَسْتَاذَهُ

bermaksud “ustazah” (guru agama perempuan). Perkataan di atas sepatutnya dibaca

dengan “ustāzuhū” dengan huruf (ذ) dan (ه) berbaris hadapan. Justeru itu, ayat di atas

sepatutnya diterjemahkan seperti berikut: “... Hati dan akalnya sibuk memikirkan perkara-perkara yang disebutkan oleh ayah dan ustaznya tengah hari tadi ...”

- 4). Contoh kesilapan diambil daripada teks “*Āfāq al-Mustaqbāl*” آفاق المستقبل

..أُغَمِّرُ الْبَحَارَ وَأَعْبُرُ النَّيْرَانَ وَأَحْطِمُ الْحَوَاجِزَ وَالْعَوَاعِقَ بِكُلِّ شَجَاعَةٍ وَصَبْرٍ ..

“... aku akan meredah sungai serta memecahkan segala penghalang dan rintangan dengan keberanian ...”

Dalam terjemahan di atas, ayat “أَحْطِمُ الْحَوَاجِزَ وَالْعَوَاعِقَ” telah diterjemahkan kepada

“memecahkan segala penghalang”. Kata kerja *memecahkan* dalam terjemahan di atas adalah kata kerja transitif yang mesti disusuli oleh objek tanpa sebarang sisipan. Selain itu, terjemahan di atas juga didapati kurang sesuai. Ini adalah kerana perkataan memecahkan perlu ditukar dengan perkataan “*tempuhi*”. Oleh yang demikian, frasa di atas sesuai diterjemahkan seperti ini :

“akan aku tempuhi halangan-halangan dan juga rintangan-rintangan”.

Di samping itu, terjemahan perkataan “البَحَارَ” dengan maksud “sungai” adalah tidak tepat sama sekali. Ini adalah kerana perkataan “البَحَارَ” adalah kata jamak daripada perkataan mufrad “al-bahrُ الْبَحْرُ” yang bermaksud “lautan”. Oleh yang demikian, aspek maksud kata jamak perlu diambil kira. Hal yang sama terjadi pada perkataan . الحَوَاجِزُ وَالْعَوَاعِقُ mengandungi maksud jamak.

Manakala ayat يَكُلُّ شَجَاعَةً وَصَبْرٌ menurut kaedah tatabahasa Arab adalah *al-Hal*.

Ia berfungsi menerangkan perihal *al-Fā'il* (pelaku) atau *al-Maf'ūl* (objek) tentang bagaimana berlakunya sesuatu perbuatan (Fuad Ni'mah 1973: 75). Ia sesuai diterjemahkan kepada “dengan penuh keberanian dan kesabaran...” bagi menunjukkan pertimbangan maksud nahu di atas. Berdasarkan analisis kesilapan di atas, terjemahan yang agak tepat untuk teks Arab tersebut ialah:

“... akan ku harungi lautan dan menyeberangi api. Demikian juga, akan ku tempuhi halangan-halangan serta rintangan-rintangan dengan penuh keberanian dan kesabaran....”.

5). Contoh kesilapan diambil daripada teks “*Man Sāra Alā al-Darbi Wāsala* مَن سَارَ عَلَى الدَّرْبِ وَسَلَّ

إِعْدَادُ الْمُوَاطِنِينَ أَكْفَاءَ مُؤْهَلِينَ فِكْرًا وَعِلْمًا تَاهِيَّةً عَالِيًّا لِأَدَاءِ وَاجِبِهِمْ فِي خَدْمَةِ
رِبَّلَادِهِمْ وَالنُّهُوضُ بِشَعْرِهِمْ، وَتَنْبِيَةِ الشَّرْقَ وَالْمَغْرِبَ وَتَوْجِيهِهِ لِمُحَالَاتٍ مُّتَوْسِعَةٍ سَعِيًّا
وَرَاءِ الْأَكْيَافِ الدَّاتِيِّ فِي الْكَوَافِرِ الْوَطَيْنِيِّ فِي شَتَّى الْمُحَالَاتِ.

“ Bilangan anak bangsa yang layak yang mempunyai fikiran ilmu yang tinggi dalam menunaikan kewajipan mereka dengan berkhidmat kepada negara mereka dan bangkit semula dengan kaum-kaum mereka dan meningkatkan kekayaan manusia dan menuju dalam bidang yang berbagai usaha yang telah jauh dari kekacauan pada negara pada setiap bidang ”.

Petikan terjemahan di atas mengandungi frasa makna nahu dalam bahasa Arab yang perlu diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Frasa **فِكْرٌ يَا وَعِلْمٌ** adalah dari jenis

“*Tamyiz Nisbah*”. Ia mempunyai pelbagai fungsi antaranya ialah untuk menjelaskan atau menerangkan sesuatu yang kabur pada ayat sebelumnya (Muhammad Muhyuddin Abdul Hamid 1989:113). Dalam penterjemahan Arab-Melayu ia boleh diterjemahkan dengan maksud “dari segi atau dari sudut”. Oleh yang demikian, terjemahan yang sesuai bagi petikan di atas ialah:

“Pendidikan di Malaysia....ialah menyediakan anak-anak bangsa yang mahir dan yang berkepakaran tinggi dari sudut pemikiran dan pengetahuan....”.

Selain daripada itu, teks di atas tidak begitu dapat difahami disebabkan struktur ayat yang tidak menepati kaedah nahu bahasa Melayu. Terjemahan di atas didapati mengandungi banyak subjek dengan tidak ada predikat yang menyebabkan ia sukar difahami. Menurut Asmah Omar (1968:190), ayat dalam bahasa Melayu mestilah terdiri daripada sekurang-kurangnya satu subjek dan satu predikat. Ayat dalam terjemahan tersebut tidak mengandungi predikat.

Di samping itu, ayat dalam terjemahan di atas terlalu panjang. Menurut pendapat penulis kesilapan ini disebabkan pelajar-pelajar tidak menguasai bahasa Arab dengan baik yang menyebabkan mereka gagal menyusun idea tersebut ke dalam bahasa Melayu dengan baik, sedangkan ia boleh di atasi dengan menggunakan penanda wacana yang betul. Oleh yang demikian, proses untuk memperbaiki kesilapan teks di

atas amat sukar sekali, kecuali dengan menghasilkan terjemahan yang baru agar dapat difahami. Penanda wacana yang sesuai dalam petikan di atas ialah penanda wacana dengan maksud tambahan (additive) seperti *di samping itu*, *tambahan pula* dan sebagainya. Jadi terjemahan yang baik adalah seperti berikut:

"Pendidikan di Malaysia....ialah menyediakan anak-anak bangsa yang mahir dan yang berkelayakan dari sudut pemikiran dan pengetahuan untuk menunaikan kewajipan mereka berkhidmat kepada negara dan memajukan rakyat mereka. Di samping itu, ia (pendidikan di Malaysia) bertujuan membangunkan kekayaan tenaga manusia bagi menerokai pelbagai bidang kehidupan dalam usaha untuk mencapai keperluan sebenar dalam melahirkan kader-kader (pelapis-pelapis) tempatan".

4.1.2. Kesilapan Penggunaan Penanda Wacana

Bahagian ini pula akan menampilkan beberapa contoh kategori Kesilapan Penggunaan Penanda Wacana seperti tidak menggunakan Penanda Wacana dan penggunaan Penanda Wacana yang tidak tepat dalam kategori maksud tambahan (additive), maksud lawanan (adversative), maksud sebab dan akibat (causal) dan maksud masa (temporal). Fokus perbincangan hanya tertumpu kepada kesilapan yang telah dinyatakan di atas. Walau bagaimanapun, kesilapan-kesilapan lain dalam bahagian ini turut dibincangkan.

- 1). Contoh kesilapan terjemahan diambil daripada teks " *Man Sāra Alā al-Darbi Wasala* " من سار على الدرب وصل

وَالْتَّعْلِيْمُ الْعَالَىٰ هُوَ مَرْحَلَةُ التَّخَصُّصِ الْعِلْمِيِّ فِي كَافِهِ اُنْوَاعِهِ وَمَسْتَوَيَاتِهِ وَرِغَابِيَّةِ ذُرِىِ الْكَفَاءَةِ وَالثُّبُوغِ وَتَعْمِيَّةِ مَوَاهِبِهِمْ

".....pengajaran tinggi ialah peringkat penghususan ilmu dalam semua bidang dan peringkat, penjagaan yang sempurna dan juga kepintaran serta perkembangan mental. Ia membuka jalan bagi keperluan negara....".

Terjemahan petikan di atas memperlihatkan konsep ketelitian, penyusunan idea dan fikiran yang lemah serta tidak memuaskan. Ini disebabkan penterjemah tidak meletakkan penanda wacana yang tepat dan sesuai yang dapat berfungsi menghubungkan dua ayat (idea) yang terputus. Jika diperhatikan ayat “.... *pengajian tinggi ialah peringkat pengkhususan ilmu dalam semua bidang dan peringkat, penjagaan yang sempurna dan juga kepintaran serta perkembangan mental, ia membuka jalan bagi keperluan negara...* ”, memerlukan penyambung atau Penanda Wacana dengan maksud tambahan (additive) untuk menggabungkan dua idea yang tidak ada kesinambungan. Terdapat beberapa jenis penanda wacana yang sesuai digunakan bagi menunjukkan maksud tersebut, antaranya ialah “*di samping itu, tambahan pula, selain itu, dan begitu juga*”.

وِرْعَائِيَّةٌ ذُرَى الْكُفَاعَةِ وَ النُّبُوْغِ وَ تَنْبِيْهَ مَوَاهِبِهِمْ ”

Selain itu, terjemahan bagi ayat “*penjagaan yang sempurna dan juga kepintaran serta perkembangan mental...* ” adalah tersasar dan menyimpang jauh daripada makna asal. Ini terjadi disebabkan pelajar tidak faham perkataan tersebut dan tidak merujuk maksud perkataan melalui kamus. Sepatutnya perkataan *رِعَايَةٌ* perlu diterjemahkan kepada “*pembelaan*”

dan ayat ذُرَى الْكُفَاعَةِ وَ النُّبُوْغِ boleh diterjemahkan kepada “*golongan pelajar yang mempunyai kebolehan dan kepintaran*”.

Di samping itu, petikan terjemahan ini mengandungi kesilapan meringkas, membuang, memendekkan ayat dan membuat keterangan yang berbelit-belit. Kesilapan ini dapat dilihat menerusi terjemahan ayat “*ia membuka jalan bagi keperluan negara*” ini tidak terdapat dalam teks di atas. Ia merupakan keterangan yang ditambah dan

berbelit-belit terhasil akibat daripada tidak dapat memahami teks dengan baik. Berdasarkan kepada analisis-analisis di atas, terjemahan yang tepat bagi teks di atas adalah seperti berikut:

“... pengajian tinggi ialah peringkat pengkhususan ilmu dalam semua bidang dan peringkat. Di samping itu, ia juga merupakan pembicayaan terhadap golongan pelajar yang mempunyai kebolehan, kepintaran dan juga memperkembangkan bakat-bakat mereka ...”.

2). Contoh kesilapan diambil daripada teks “*Hijratul Hayāwānāt*’Ijāzun lāhiyyun

”هِجْرَةُ الْحَيَّانَاتِ إِعْجَازُ الْهَيْيَى“

يُسْتَطِيعُ كَثِيرٌ مِنَ الْحَيَّانَاتِ مِنْ الْفَرَائِشِ وَالظُّبُورِ وَالسَّمَادِلِ وَالْأَسْمَاكِ
وَصِعَارِ التَّدَيَّاتِ الْإِنْقَالُ إِلَى مَسَافَاتٍ غَيْرِ قَصِيرَةٍ لِلِّاِنْتَشَارِ وَإِرْتِيَادِ أَمْكَنِ حَدِيدَةٍ
لِلِّاغْتِذَاءِ وَالتُّكَاثُرِ

“... kebanyakkan haiwan daripada kumpulan rama-rama, burung-burung, ikan-ikan, dapat berpindah ke satu jarak yang jauh untuk bersiar-siar, mengunjungi tempat-tempat, mencari makanan dengan sumber-sumber kekayaan ...”.

Terjemahan di atas mengandungi kesilapan Padanan Kata yang Tidak Tepat.

Perkataan “الْكَثَاثُرُ” telah diterjemahkan kepada “*sumber-sumber kekayaan*” dan ia

adalah terjemahan yang tidak tepat. Maksud sebenar perkataan ini ialah “*membiaik*”.

Demikian juga dengan perkataan لِلِّاِنْتَشَارِ tidak sesuai diterjemahkan dengan maksud

“*untuk bersiar-siar*”, sebaliknya ia lebih sesuai dengan padanan ayat “*untuk menjelajahi*”.

Perkataan seperti **صَعَارُ الشَّدِيَّاتِ** dan **السَّمَادِلِ** **الفَرَاثِ** perlu diterjemahkan

berdasarkan makna yang khusus dalam kamus. Perkataan **الفَرَاثِ** bermaksud rama-

rama, sementara perkataan **السَّمَادِلِ** adalah perkataan jamak daripada lafaz **السَّمَنْدِلِ**

(Ahmad Syafiq al-Khatib 1991:31). Menurut Muhammad Idris al-Marbawiy (t.t : 302)

juga dikenali sebagai **السَّمَنْدِلِ** yang bermaksud semandar (sejenis haiwan seperti

mengkarung). Perkataan **صَعَارُ الشَّدِيَّاتِ** pula bermaksud mamalia-mamalia kecil (jenis-

jenis binatang yang menyusukan anaknya) (Munir Ba'labakkay 1995:55)

Kesilapan seterusnya yang dapat dikenal pasti dalam petikan ini ialah tidak menggunakan Penanda Wacana pada ayat yang mengandungi maksud tambahan (additive). Ayat “..... dapat berpindah ke satu jarak yang jauh untuk bersiar-siar, mengunjungi tempat-tempat, mencari makanan dengan sumber-sumber kekayaan.....” menggambarkan urutan idea. Sementara itu, maksud ayat di atas akan lebih jelas melalui penggunaan penanda wacana dengan maksud tambahan seperti “*dan, selain itu, di samping itu, seterusnya dan begitu juga*” (Fauzi Jumingan 2000:593). Kesilapan kesilapan yang terdapat di dalam petikan di atas dapat dikenal pasti dan seterusnya diperbaiki seperti berikut:

“... ... kebanyakkan haiwan-haiwan daripada spesis (kumpulan) rama-rama, burung-burung, beberapa jenis semandar (mengkarung air) ikan-ikan dan mamalia jenis kecil (kumpulan binatang yang menyusukan anaknya) mampu berhijrah ke jarak-jarak yang jauh untuk menjelajahi dan menerokai kawasan-kawasan baru untuk mencari sumber makanan dan membiak.... .”.

- 3). Contoh kesilapan diambil daripada teks “*Āṣāq al-Mustaqbāl*” آفاق المستقبل

لَا أَرِيدُ أَنْ تَسْيِيلَ دُمُوعَكَ حُزْنًا عَلَى رُسُوبِيِّ إِئْمَانِ سَتَسِيلُ فَرْحًا بِنَجَاحِيِّ...

"...aku tidak akan mengalirkan airmata engkau kerana sedih atas kegalanku, aku hanya akan mengalirkan airmata engkau kerana bergembira di atas kejayaanku".

Menurut kaedah bahasa Arab perkataan **أَنْ تَسِيلَ** adalah kata kerja kala kini

"*Fi'il Mudāri*". Ia mengandungi gantinama diri ketiga, iaitu **هُوَ**, yang bermaksud dia

atau ia untuk perempuan. Manakala lafaz **دُمُوعَكَ** adalah "*fa'il*", iaitu pelaku bagi kata

لَا أَرِيدُ أَنْ تَسِيلَ دُمُوعَكَ حُزْنًا أَنْ تَسِيلَ. Oleh yang demikian, menterjemahkan ayat

عَلَى رُسُوبِيِّ dengan "...aku tidak akan mengalirkan airmata engkau kerana sedih atas

kegalanku...." adalah menyalahi tata bahasa Arab. Terjemahan yang sepatutnya

ialah "aku tidak mahu airmatamu mengalir kerana sedih atas kegalanku...".

Dalam teks terjemahan di atas juga, terdapat dua idea yang berlawanan maksudnya. Pertama, terkandung dalam ayat... *aku tidak mahu airmatamu mengalir kerana sedih atas kegalanku...*. Kedua dalam ayat*aku mahu airmatamu mengalir kerana bergembira dengan kejayaanku*. Dalam hal ini, Penanda Wacana yang sesuai digunakan dalam teks terjemahan di atas ialah yang mengandungi maksud lawanan (adversative) seperti *tetapi*, *namun begitu*, *sebaliknya*, *sungguhpun*, *meskipun*, *walaupun* dan *biarpun* .(Fauzi Jumingan 2000:593). Oleh yang demikian, terjemahan lengkap bagi ayat di atas adalah seperti berikut:

"...aku tidak mahu airmatamu mengalir kerana sedih atas kegalanku, tetapi aku hanya mahu airmatamu mengalir kerana bergembira dengan kejayaanku"

4). Contoh kesilapan diambil daripada teks “*Hijratul Hayawanāti Ijazun Ilāhiyyun*

”هَجْرَةُ الْحَيَّانَاتِ إِعْجَازُ الْهَيْ

...وَالْطَّيْوَرُ الَّتِي تَقْطَعُ الْمَحِيطَاتِ قَدْ تَطَيرُ أَيَّامًا كَثِيرَةً بِلِيَالِهَا وَهُوَ تَوْقُفٌ وَمُعْظَمُ
الْعَصْفُورِيَّاتِ يَطَيرُ عَلَيْلًا وَلِكِنَّ الْطَّيْوَرُ الْأَكْبَرُ حَجَمًا كَثُونَاعُ الصُّقُورِ وَالْبَلْشُونِ
تَطَيرُ نَهَارًا...

“...burung-burung ini terbang dalam masa beberapa hari tanpa berhenti dan melalui kawasan-kawasan lapang yang biasanya terdiri daripada burung-burung kecil. Burung-burung besar seperti burung helang dan bangau biasanya terbang pada waktu siang atau malam...”.

Terjemahan di atas sangat sukar difahami disebabkan terlalu banyak kesilapan.

Antara yang paling jelas dilihat ialah kesilapan meringkas, di mana banyak perkataan bahasa Arab yang tidak diterjemahkan. Misalnya ayat “**تَقْطَعُ الْمَحِيطَاتِ**” yang

bermaksud “*burung-burung yang terbang menyeberangi lautan*” tidak diterjemahkan.

Selain itu, perkataan “**الْعَصْفُورِيَّاتِ**” yang bermaksud “*spesis burung burung kecil*”

juga tidak diterjemahkan oleh para pelajar. Manakala terjemahan “...melalui kawasan-kawasan lapang...” tidak terdapat dalam terjemahan teks Arab di atas.

Ayat **أَيَّامًا كَثِيرَةً بِلِيَالِهَا** berdasarkan tata bahasa Arab adalah *zaraf zamān*. Dalam

hal ini ia berfungsi menerangkan masa atau tempat berlakunya sesuatu peristiwa (Fuad Ni'mah: 72). Biasanya ia mengandungi maksud “*di atau pada*” Justeru itu, frasa tersebut boleh diterjemahkan dengan “...*pada waktu siang berhari-hari hingga ke malam...*”. Di samping itu, ayat **قَدْ تَطَيرُ** terdiri daripada “**قدْ**” dan kata kerja kala kini

”تطيير“ yang menunjukkan maksud sedikit “*al-Taqlīl*”. Oleh yang demikian, terjemahan yang sesuai bagi ayat di atas adalah “*kemungkinannya akan terbang* ”.

Selain daripada itu, terjemahan di atas juga turut memaparkan dua idea yang berlawanan maksudnya. Idea pertama dapat dilihat melalui ayat berikut ... “... burung-burung ini terbang dalam masa beberapa hari tanpa berhenti dan melalui kawasan-kawasan lapang yang biasanya terdiri daripada burung-burung kecil ... ”. Sementara idea kedua terkandung dalam ayat “..... Burung-burung besar seperti burung helang dan bangau biasanya terbang pada waktu siang atau malam... ”. Kedua-dua idea ini dapat digabungkan dengan menggunakan penanda wacana dengan maksud lawanan (addversative) seperti *manakala*, *sebaliknya* dan sebagainya. Oleh yang demikian, setelah analisis kesilapan dijalankan terjemahan yang tepat adalah seperti berikut:

“... spesis burung-burung yang terbang merentasi lautan, kemungkinannya akan terbang pada waktu siang berhari-hari hingga ke malam tanpa henti. Manakala, sebahagian besar spesis burung-burung yang kecil biasanya terbang pada waktu malam. Sebaliknya, spesis burung-burung yang besar seperti burung helang dan bangau biasanya terbang pada waktu siang ... ”

5). Contoh kesilapan diambil daripada teks “*Man Sāra Alā al-Darbi Wasala*

”مَنْ سَارَ عَلَى الدُّرْبِ وَصَلَّ“

... هَذَا وَتَهْتَمُ مَالِيْزِيَا إِهْتِمَامًا وَاضْجَافٍ فِي الْمُجَاهِلِ التَّعْلِيمِيِّ وَالتَّقَافِيِّ كَمَا تَحْرِصُ عَلَى تَقْدِيمِ الْخَدْمَاتِ التَّعْلِيمِيَّةِ وَإِتَاحَةِ الْفَرَصِ التَّعْلِيمِيَّةِ الْجَامِعِيَّةِ وَتَبِعَةً لِهَذَا الْإِهْتِمَامِ تَرَادُّ أَعْدَادِ الطَّلَبَةِ وَالطَّالِبَاتِ الرَّاغِبِينَ فِي التَّعْلِيمِ الْجَامِعِيِّ فِي مَالِيْزِيَا بِتَخْصِصِ صَارِيَّهِ الْمُوْتَوْعِيَّةِ ...

“ Inilah dia Malaysia sangat mementingkan di bidang pengajian dan keilmuan sebagaimana ia menjaga penyediaan perkhidmatan pendidikan dan memberi peluang

pengajian ini kepada semua orang. Bilangan pelajar lelaki dan juga perempuan yang ingin menyambung pengajian ke Universiti semakin bertambah dengan mengambil bidang pengkhususan yang pelbagai”.

Terjemahan teks di atas mengandungi dua idea yang berkaitan antara satu sama lain. Idea kedua terhasil ekoran kesan atau akibat daripada idea pertama. Ini dapat dilihat melalui terjemahan ayat berikut “*Begitu juga, ia perihatin dalam memberi perkhidmatan pendidikan , dan membuka peluang-peluang pengajian di peringkat universiti*”. Kesan atau akibat daripada idea di atas dapat digambarkan dalam ayat berikutnya, iaitu “.... *Bilangan pelajar lelaki dan juga perempuan yang ingin menyambung pengajian ke Universiti semakin bertambah dalam bidang pengkhususan yang pelbagai*” . Oleh yang demikian, untuk memastikan konsep perkaitan dan kesinambungan fikiran dalam teks terjemahan di atas, Penanda Wacana dengan maksud akibat seperti *oleh itu, sebab itu, lantaran itu, justeru, akibatnya, hasilnya* dan *jadi wajar* digunakan (Fauzi Jumingan 2000:595).

Di samping itu, selain kesilapan yang tersebut di atas, terdapat Kesilapan Padanan Kata yang Tidak Tepat. Ia berpunca daripada penguasaan bahasa Arab yang lemah. Contoh kesilapan tersebut terkandung dalam ayat berikut “*sebagaimana ia menjaga penyediaan perkhidmatan pendidikan dan memberi peluang pengajian ini kepada semua orang*” adalah terjemahan yang tidak tepat bagi ayat كُمَا تَحْرِصُ عَلَىِ

تَقْدِيمُ الْخِدْمَاتِ التَّعْلِيَّمِيَّةِ وَإِتَاحَةِ الْفَرَصِ التَّعْلِيَّمِيَّةِ الجَامِعِيَّةِ. Terjemahan yang sepatutnya ialah “

... *begitu juga, ia perihatin dalam menghulurkan khidmat pendidikan dan membuka peluang-peluang pengajian di universiti*” Oleh yang demikian, terjemahan lengkap bagi teks di atas adalah seperti berikut:

“ Demikianlah... Malaysia adalah sebuah negara yang sangat mengambil berat dalam bidang pendidikan dan ilmu pengetahuan. Begitu juga, ia perihatin dalam memberi perkhidmatan pendidikan dan membuka peluang-peluang pengajian di universiti. Ekoran daripada keprihatinannya itu, bilangan pelajar-pelajar lelaki dan juga perempuan yang ingin menyambung pengajian ke peringkat universiti dalam berbagai-bagai bidang pengkhususan semakin bertambah”.

4.1.3 Kesilapan Teknik.

Di bawah topik ini, penulis akan menampilkan beberapa contoh kesilapan teknik melalui terjemahan yang dilakukan oleh responden kajian. Walau bagaimanapun, kesilapan-kesilapan lain turut dibincangkan secara ringkas.

- 1). Contoh kesilapan diambil daripada teks “*Āfāq al-Mustaqbil* ” آفاق المستقبل

أَنْتِ رُوحِي وَحِيَاتِي، مِنْ أَجْلِكِ يَا أَمْيَّ سَاضِحٍ نَفْسِيْ

“ Ibuku engkaulah rohku dan kehidupanku, engkaulah yang membesarkan diriku ini wahai ibuku. Aku akan terangi jiwaku..”.

Dalam teks terjemahan di atas, perkataan “*مِنْ أَجْلِكِ*” telah diterjemahkan sebagai “membesarkan diriku” manakala ayat “*سَاضِحٍ*” telah diterjemahkan sebagai “terangi”. Sesungguhnya terjemahan tersebut tidak tepat sama sekali. Ini adalah kerana perkataan ”*مِنْ أَجْلِكِ*” bermaksud “keranamu” atau “demimu”.

Manakala ayat “*سَاضِحٍ*” lebih tepat diterjemahkan sebagai ”*saya akan korbankan*”.

Sekiranya terjemahan itu berlainan dengan maksud sebenar, maka ia akan menyebabkan maksud teks terjemahan tidak tepat dengan teks asal. Hal ini

bertentangan dengan konsep terjemahan sebagai proses pemindahan dan menukar pelbagai idea dari bahasa sumber ke bahasa sasar (Ibrāhīm Anis 1972 : 83, Munir Ba‘labakkīy 1995 :984). Oleh yang demikian, terjemahan yang ideal adalah seperti berikut:

“ Ibuku, engkaulah nyawaku dan kehidupanku. Demimu wahai ibuku, aku akan korbankan jiwaragaku”

2). Contoh kesilapan diambil daripada teks “*Hijratul Hayawānāt* ‘Ijāzun Ilāhiyyun

”هَجْرَةُ الْحَيَّانَاتِ إِعْجَازُ الْهَنْدِيِّ“

... ثُمَّ تَقْلُدُ رَاجِعَةً بَعْدَ سَبْعِ سَنَوَاتٍ إِلَى نَفْسِ الْمَحْرُكِ الْمَأْتَى الَّذِي نَشَأَ فِيهِ لِتَكَائِرٍ،
مُهْتَدِيَةً إِلَيْهِ يَسْعِ رَاهِنَتِهِ ذَائِبَةً فِي الْمَاءِ.

“... Kemudian kembali ke tempat sendiri selepas tujuh tahun yang mempunyai banyak sumber makanan, dengan petunjuk bau-bauan yang terdapat di dalam air”.

Petikan di atas menunjukkan kesilapan penterjemahan pada padanan kata yang tidak tepat. Ayat “نَفْسِ الْمَحْرُكِ الْمَأْتَى” diterjemahkan sebagai “tempat sendiri” dan

Ayat “شَأْتُ فِيهِ لِتَكَائِرٍ” diterjemahkan sebagai “mempunyai banyak sumber makanan”,

sementara ayat “مُهْتَدِيَةً إِلَيْهِ يَسْعِ” pula diterjemahkan sebagai “dengan petunjuk bau-bauan”.

Ketiga-tiga padanan kata di atas dianggap tidak tepat disebabkan penterjemah tidak begitu mengambil kira perkataan-perkataan yang terdapat dalam teks ini yang mengandungi bahasa yang bersifat geografi (geographical essay). Oleh yang demikian, istilah yang digunakan harus bersifat geografi (geographical essay). Penulis berpendapat perkataan “tempat sendiri” wajar ditukar menjadi “habitat asal”.

Manakala ayat “mempunyai banyak sumber makanan” perlu ditukar kepada “yang merupakan tempat ikan-ikan ini membiak” sementara ayat “petunjuk bau-bauan” perlu ditukar kepada “berpandukan bau-bauan yang dihidu”.

Selain itu, perkataan رَاجِعَةٌ pula dii'rabkan sebagai “al-hāl” (الحال) yang berfungsi menerangkan keadaan “al-Fa'i'l” (si pelaku) atau “Maf'ūl bih” (objek) itu terjadi (Fuad Ni'mah 1983:75). Oleh yang demikian, perkataan رَاجِعَةٌ amat sesuai untuk diterjemahkan dengan “kembali ke habitat asalnya semula”. Terjemahan yang dinamik bagi teks di atas adalah seperti berikut:

“... Berpandukan kepada bau-bauan yang dihidu di dalam air, ikan-ikan itu akan kembali semula ke habitat asal mereka selepas tujuh tahun untuk membiak.....”

3). Contoh kesilapan diambil daripada teks “Āfaq al-Mustaqbil”

... مِنْ الآن يَحِبُّ أَنْ أُحَدِّدَ الْهَدَفَ... أَدْعُو اللَّهَ تَبَارَكَ وَتَعَالَى أَنْ يُعِينِنِي عَلَى النَّجَاحِ
وَيُوفَقِنِي لِلْإِلْتَحَاقِ بِجَامِعَةِ الْعُلُومِ الْمَالِيَّةِ...

“... dari sekarang aku harus membulatkan tekad supaya Allah s.w.t. melimpahkan kejayaan dan layak memasuki pengajian tinggi di Malaysia.”

Terjemahan di atas mengandungi kesilapan padanan kata pada perkataan tertentu yang tidak tepat. Kesilapan ini terdapat pada frasa “pengajian tinggi di Malaysia”. Frasa ini merupakan terjemahan daripada frasa bahasa Arab بِجَامِعَةِ الْعُلُومِ الْمَالِيَّةِ. Yang bermaksud “Universiti Sains Malaysia” bukannya pengajian Tinggi di

Malaysia. Oleh yang demikian, terjemahan sebenar ialah:

“...dari sekarang aku mesti menetapkan matlamat... dan aku harus berdoa ke hadrat Allah Yang Maha Tinggi agar Ia membantu kejayaanku dan seterusnya mentafsikkan kepadaku untuk menyambung pengajian di Universiti Sains Malaysia .”

- 4). Contoh kesilapan diambil daripada teks “*Man Sāra Alā al-Darbi Wasala* من سار على الدرب وصلَ

“سَارَ عَلَى الدُّرْبِ وَصَلَّ

وَهُوَ يَهْبِي السَّبِيلَ أَمَامَ سُلُّ حَاجَاتِ الْبَلَادِ وَالْمُجَتَمِعِ الْمُخْتَلِفَةِ فِي حَاضِرِهِ وَمُسْتَقِيلَهِ...
يَمَا يُسَابِرُ التَّطَوُّرُ الْمُفِيدُ وَالنَّافِعُ الَّذِي تَسْعَى إِلَيْهِ الْبَلَادُ مَحْقِيقَةً بِإِرْأَافَهَا وَغَایَاتِهَا النَّبِيلَةِ
الْمَرْسُومَةِ فِي الرُّؤْيَا الْمُسْتَقِبَلِيةِ ... ٢٠٢٠

“...ia juga cara yang cepat menghadapi sekatan negara dan masyarakat majmuk dalam masa ini dan masa akan datang dengan berjalan ke kemuncak yang bermanfaat dan berfaedah yang berusaha kepada negara sebenarnya dengan mempunyai tujuan dan kehendak yang bijak dalam bidang penulisan pada pandangan masa hadapan tahun 2020....”.

يَمَا يُسَابِرُ التَّطَوُّرُ الْمُفِيدُ وَالنَّافِعُ الَّذِي تَسْعَى إِلَيْهِ الْبَلَادُ مَحْقِيقَةً بِإِرْأَافَهَا وَغَایَاتِهَا النَّبِيلَةِ

Ayat bahasa Arab ini telah diterjemahkan kepada “dengan berjalan ke kemuncak yang bermanfaat dan berfaedah yang berusaha kepada negara sebenarnya dengan mempunyai tujuan dan kehendak yang bijak”. Sebenarnya terjemahan ini bercelaru, berbelit-belit dan tidak dapat difahami. Justeru itu, terjemahan yang baik untuk ayat di atas ialah “seajar dengan perkembangan yang bermanfaat yang dicapai oleh negara bagi merealisakan matlamat-matlamatnya yang murni”.

Manakala terjemahan “...dalam bidang penulisan pada pandangan masa hadapan tahun 2020....” merupakan terjemahan daripada teks Arab المَرْسُومَةِ فِي الرُّؤْيَا الْمُسْتَقِبَلِيةِ

٢٠٢٠ . المُسْتَقِبَلِيةِ . Terjemahan ini adalah tersasar dan tidak dapat difahami. Ia

merupakan bukti kelemahan pelajar-pelajar dalam menguasai bahasa Arab dengan baik.

Terjemahan frasa “*dalam bidang penulisan*” tidak ada kaitan langsung sama ada dari segi idea maupun makna dengan ayat selepasnya. Apa yang berlaku hanyalah

kekeliruan terhadap perkataan **رسْمٌ** yang berasal daripada perkataan **رَسْمٌ** yang

bermaksud “*melukis*”. Berdasarkan makna ini, terhasilah terjemahan “*dalam bidang penulisan*” . Oleh yang demikian, terjemahan yang dinamik bagi teks bahasa Arab ini

ialah “...yang telah digariskan dalam wawasan 2020 ”. Ini adalah kerana frasa **الرؤى**

٢٠٢٠ **المُستقبل** sinonim dengan frasa dalam bahasa Melayu, iaitu “*wawasan 2020*”.

Justeru itu, terjemahan bagi teks di atas adalah seperti berikut:

“...Sesungguhnya pelbagai pengajian di Malaysia mampu menyediakan strategi yang berkesan bagi memenuhi keperluan negara dan masyarakat yang berbilang bangsa pada masa ini dan akan datang sejajar dengan perkembangan yang bermanfaat yang di capai oleh negara bagi merealisaikan matlamat-matlamatnya yang murni yang telah digariskan dalam Wawasan 2020”.

5). Contoh kesilapan diambil daripada teks “**Afāq al-Mustaqbal**”

... سَارِيكَ كَمْ أَنَا بِنِ الْمُخْلِصِ ...

“... aku akan tunjukkan kepadamu beberapa orang anak yang ikhlas ...”

Ayat bahasa Arab **كَمْ أَنَا بِنِ الْمُخْلِصِ** telah diterjemahkan kepada “beberapa

orang anak yang ikhlas”. Sesungguhnya terjemahan ini menggambarkan penguasaan penterjemah yang lemah terhadap bahasa sumber. Menurut kaedah tatahsa Arab

perkataan “*Kam* **كم**” terbahagi kepada dua bahagian pertama; kam pertanyaan (*Kam*

al-Istifhamiyah) yang mengandungi maksud berapakah (pertanyaan), kedua; “*Kam كم*” perkhabaran (*Kam al-khabariyyah*) yang tidak ada maksud pertanyaan, sebaliknya

berbentuk perkhabaran. Biasanya dalam terjemahan Arab-Melayu perkataan “*betapa*” sangat sesuai untuk menunjukkan maksud “*Kam al-Khabariyyah*”. Oleh yang demikian, terjemahan yang tepat ialah:

“... *aku akan tunjukkan kepadamu betapa aku seorang anak yang Ikhlas...* ”.

6). Contoh kesilapan diambil daripada teks “*Man Sāra Alā al-Darbi Waṣala*”
“من سار على الدرب وصلَّ

الْعَمَلُ عَلَى تَكْوِينِ سَخْصِيَّةِ الطَّالِبِ الْعِلْمِيَّةِ وَتَرْبِيَّةِ عَلَى الْإِسْتِقْلَالِ فِي التَّفْكِيرِ
تَرْبِيَّةٌ صَحِيحَةٌ لِيَقُولَ مِمَّا هُوَ فِي الْحَيَاةِ مَعَ الْإِسْتِقْدَادَةِ الْوَاعِيَّةِ مِنَ الْمَعَارِفِ الْإِنْسَانِيَّةِ
رِبْوَجَهُ عَامٌ ...

“Berusaha membentuk sahsiah pelajar dari sudut keilmuan dan pendidikan dan mendidik agar berfikiran terbuka untuk membangunkan keperluan masyarakat secara bersama dalam konteks masyarakat amnya”

Ayat “sahsiah pelajar dari sudut keilmuan dan pendidikan” merupakan terjemahan daripada “*سَخْصِيَّةِ الطَّالِبِ الْعِلْمِيَّةِ*”. Terjemahan ini kurang tepat kerana ayat tersebut perlu diterjemahkan mengikut tata bahasa Arab, iaitu *الصَّفَةُ وَالْمُوصُوفُ*.

Menurut Muhammad Bukhari Lubis (1998: 58) ayat yang terdiri daripada *الصَّفَةُ* “*وَالْمُوصُوفُ*” amat sesuai diterjemahkan dengan menyisipkan kata hubung “*yang*”. Oleh

yang demikian, terjemahan yang tepat bagi ayat di atas ialah “... *keperibadian pelajar yang berpengetahuan...* ”

Selain itu, perkataan “*pendidikan*” tidak sepatutnya ada dalam terjemahan di atas. Ini adalah kerana petikan teks tersebut tidak mengandungi perkataan yang bermaksud “*pendidikan*”. Hal ini dianggap sebagai perbuatan membazir menurut teori semantik Atonom Katz dan teori semantik Chomsky (Yap Eng Moi 1985:281). Sementara itu, ayat “*mendidik agar berfikiran terbuka*” merupakan terjemahan daripada teks Arab **وَتَرْبِيهٌ عَلَى الْإِسْتِقْلَالِ فِي التَّفْكِيرِ تَرْبِيهٌ صَحِيقَةٌ**. Sebenarnya ayat ini lebih tepat diterjemahkan sebagai “... *mendidiknya dengan didikan yang sebenar ke arah kebebasan berfikir*”. Selain daripada itu, penterjemah juga tidak menterjemahkan frasa **“تَرْبِيهٌ صَحِيقَةٌ”** hal ini juga merupakan kesilapan yang perlu dielakkan kerana penterjemah perlu bersifat amanah dalam menterjemahkan sesuatu teks daripada bahasa sumber ke bahasa sasar. (Muhammad Bukhari Lubis 1998:10).

Ayat yang berikut ini pula, iaitu “*....untuk membangunkan keperluan masyarakat secara bersama dalam konteks masyarakat amnya...* ”. adalah terjemahan daripada ayat bahasa Arab:

لِيَقُومُ بِمَهَامَهُ فِي الْحَيَاةِ مَعَ الْإِسْتِفَادَةِ الْوَاعِيَةِ مِنَ الْمَعْارِفِ الْإِنْسَانِيَّةِ، بِوَجْهِ عَامِ

Terjemahan ini kurang jelas maknanya, dan keterangannya agak berbelit-belit. Hal ini terjadi disebabkan oleh tahap penguasaan bahasa sumber yang rendah. Ayat di atas boleh difahami melalui terjemahan berikut: “*... supaya ia dapat menjalankan tanggungjawabnya dalam kehidupan di samping memanfaatkan pengetahuan Sains Kemasyarakatan secara amnya*”. Oleh yang demikian, terjemahan keseluruhan teks di atas adalah seperti berikut:

"Berusaha membentuk sahsiah pelajar yang berpengetahuan dan mendidiknya dengan didikan yang sebenar dalam konsep kebebasan berfikir supaya ia dapat menjalankan tanggungjawabnya dalam kehidupan di samping memanfaatkan pengetahuan Sains Kemasyarakatan secara amnya".

- 7). Contoh kesilapan diambil daripada teks "Afaq al-Mustaql" *“آفاقُ الْمُسْتَقْبِلِ*

هذِهِ كُلُّهَا أَمْلَىٰ وَآمَالُكُمْ... وَهُنَّا يَا أَعِزَّاهُنِي أَعِدُّكُمْ وَعَدًا وَأَعْاهِدُكُمْ عَهْدًا أَنِّي الآن
مَاضٍ فِي سَبِيلِي لِتَحْقِيقِ هذِهِ الْأَمْنِيَاتِ

"Setiap cita-citaku dan matlamat bagi semua ... di sana kemuliaan kau disediakan dan berjanji dengan satu janjiku sedang menuju untuk merealisasikan cita-citaku..."

Ayat yang bergaris dalam teks terjemahan di atas "...Setiap cita-citaku dan matlamat bagi semua" ... adalah terjemahan daripada teks Arab . هذِهِ كُلُّهَا أَمْلَىٰ وَآمَالُكُمْ... .

Terjemahan ini didapati berbelit-belit dan sukar difahami . Menurut hemat penulis, hal ini terjadi kerana penterjemah tidak menjalankan kerja-kerja terjemahannya dengan berhati-hati. Kedua-dua perkataan ini telah digandingkan dengan ”*الصَّمْبِرُ الْمُتَصَلُّ*” ganti

(ي) آماليٌ^و nama bersambung yang digandingkan dengan *Yā' Mutakallim* pada perkataan

yang bermaksud “cita-cita saya” , manakala perkataan آمالُكُمْ digandingkan dengan(

كُمْ) yang bermaksud “cita-cita kamu” , tetapi penterjemah telah menterjemahkannya

dengan padanan kata yang berbeza, iaitu perkataan آماليٌ dengan maksud *cita-cita saya*

dan آمالُكُمْ bermaksud *matlamat bagi semua*. Jadi, terjemahan yang sesuai untuk teks

di atas ialah "...sesungguhnya semua ini adalah cita-citaku dan cita-cita kamu semua...". Sementara itu, terjemahan "...di sana kemuliaan kau disediakan dan berjanji dengan satu janjiku sedang menuju untuk merealisasikan cita-citaku..."

وَهُنَّا يَا أَعِزَّائِيْ أَعِدُّكُمْ وَعْدًا وَأَعْاهِدُكُمْ عَهْدًا Dalam bahasa

Arab هُنَّا bermaksud "di sini" sementara أَعِزَّائِيْ bermaksud "sahabat-sahabat yang

mulia" . lafaz عَهْدًا وَعْدًا dan jika ditinjau dari perspektif tatabahasa Arab ia menjadi

"*Maf'ul Mu'tlaq*" yang mengandungi maksud *al-taukid* "الْتَّوْكِيد" "penegasan". Jadi,

terjemahan yang sesuai bagi teks ini ialah "...sesungguhnya aku berjanji kepada kamu dengan sebenar-benar janji..."

Manakala ayat إِنِّي الآنَ ماضٍ فِي سَبِيلِيِّ لِتَحْقِيقِ هذِهِ الْأَمْنِيَّاتِ boleh diterjemahkan

"...sekarang ini aku sedang menuju ke arah jalan untuk merealisasikan cita-cita ini..".

Berdasarkan penerangan yang terdapat dalam teks di atas, terjemahan yang dinamik adalah seperti berikut:

"...sesungguhnya semua ini adalah cita-citaku dan cita-cita kamu semua.... di sini aku berjanji kepada kamu dengan sebenar-benar janji wahai sahabat-sahabatku yang mulia ... sekarang ini aku sedang menuju ke arah jalan untuk merealisasikan cita-cita ini..."

4.2 Dapatan Kajian Kategori Kesilapan Dalam Penterjemahan Antara Teks (AM1, MSADW2 dan HHII3).

Topik ini akan membincangkan perbandingan jenis-jenis kesilapan antara ketiga-tiga teks AM1, MSADW2 dan HHII3 yang terhasil dalam analisis dapatan

kajian. Kategori kesilapan yang akan dilihat, merangkumi kesilapan bahasa, kesilapan penanda wacana dan kesilapan teknik. Bagi memudahkan bacaan data, penulis telah membentuk jadual yang menunjukkan perbandingan kategori kesilapan dalam penterjemahan antara ketiga-tiga teks. Jadual tersebut dapat dilihat seperti berikut:

Jadual 1

Perbandingan Kategori Kesilapan Dalam Penterjemahan Antara Teks (AM1, MSADW2 dan HHII3).

Kategori Kesilapan	Teks (AM1)	Teks (MSADW2)	Teks (HHII3)	Jumlah
Kesilapan Bahasa	498 (33.2%)	465 (42.6%)	180 (13.1%)	1143 (28.8%)
Kesilapan Penanda Wacana	204 (13.6%)	207 (18.9 %)	381 (27.7%)	792 (19.9%)
Kesilapan Teknik	797 (53.2%)	420 (38.5%)	814 (59.2%)	2031 (51.3%)
Jumlah	1499 (100%)	1092 (100%)	1375 (100%)	3966 (100%)

Berdasarkan jadual di atas, jumlah kesilapan penterjemahan tertinggi ialah pada teks AM1 dengan jumlah 1499 kesilapan. Ini diikuti pula dengan teks HHII3 sebanyak 1375 kesilapan, manakala kesilapan penterjemahan yang terendah ialah pada teks MSADW2 dengan jumlah 1092 kesilapan .

Perbezaan ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor di antaranya ialah kekurangan dan ketiadaan pengalaman menterjemahkan teks dari bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu. Selain itu, kelemahan para pelajar memahami teks bahasa Arab yang mengandungi ragam dan gaya bahasa yang berbeza dalam ketiga-tiga teks tersebut telah dikenalpasti sebagai faktor yang menyebabkan jumlah kesilapan penterjemahan

itu berbeza-beza antara satu teks dengan teks yang lain. Contohnya, dalam teks AM1 ragam dan gaya bahasa yang digunakan banyak mengandungi unsur-unsur sastera yang sukar diungkapkan ke dalam bahasa Melayu. Hal ini menyebabkan para pelajar banyak melakukan kesilapan. Begitu juga dengan teks HHII3, peratusan menunjukkan teks ini mengandungi kesilapan kedua terbanyak selepas teks AM1. Hal ini disebabkan terdapat banyak istilah-istilah yang berkaitan dengan kajian tempatan yang sukar untuk diterjemahkan oleh pelajar-pelajar. Sebaliknya, teks MSADW2 yang mengandungi bahasa yang besifat rencana, agak mudah diterjemahkan oleh para pelajar berbanding dengan teks-teks lain. Hal ini dapat dilihat dengan jelas kepada jumlah kesilapan yang tercatat dalam teks MSADW2, iaitu 1092 sebagai yang terendah dalam jadual tersebut.

Bagi kategori jenis-jenis kesilapan, jadual 1 telah menunjukkan perbandingan yang ketara antara jenis-jenis kesilapan dalam penterjemahan teks bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu. Kesilapan Teknik mencatatkan jumlah yang tertinggi mengatasi kesilapan-kesilapan lain dengan jumlah sebanyak 2031 kesilapan (51.3%). Diikuti oleh kesilapan Bahasa, iaitu sebanyak 1143 kesilapan (28.8%). Manakala kesilapan yang paling rendah ialah Kesilapan Penanda Wacana dengan catatan sebanyak 792 kesilapan (19.9%).

Jadual 1 juga telah menunjukkan dengan jelas, kelemahan penguasaan asas-asas penterjemahan di kalangan pelajar mendorong mereka banyak melakukan kesilapan. Ini dapat dibuktikan dengan Kesilapan Teknik yang mewakili hampir separuh daripada jumlah keseluruhan kesilapan dalam penterjemahan teks-teks bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu berbanding dengan kesilapan-kesilapan lain. Bagi Kesilapan Bahasa dan Kesilapan Penanda Wacana, penulis berpendapat kesilapan ini

terjadi disebabkan kurangnya penggunaan bahasa Malaysia baku dalam bacaan dan penulisan di kalangan pelajar. Tambahan pula, kumpulan pelajar ini banyak mengambil mata pelajaran dalam bahasa Arab dan bahasa Inggeris. Begitu juga, kebanyakan buku-buku rujukan yang digunakan adalah dalam bahasa Arab. Justeru itu, mereka banyak melakukan kesilapan terutamanya dalam kategori Kesilapan Bahasa dan Penanda Wacana.

Selain daripada itu, Jadual di atas turut memaparkan jumlah keseluruhan kesilapan dalam penterjemahan teks-teks bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu berjumlah 3966 yang merangkumi tiga jenis kesilapan yang tercatat dalam jadual tersebut.

4.2.1 Perbandingan Jenis-Jenis Kesilapan Bahasa Antara Teks (AM1, MSADW2 dan HHII3).

Topik ini akan membincangkan perbandingan jenis-jenis Kesilapan Bahasa dalam penterjemahan ketiga-tiga teks bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu, iaitu teks AM1, MSADW2 dan HHII3. Kesilapan-kesilapan tersebut ialah Kesilapan Ejaan, Kesilapan Penggunaan Kata, Kesilapan Struktur Frasa Kerja Pasif, Kesilapan Struktur Frasa Kerja Transitif/Tak Transitif dan Kesilapan Struktur Ayat. Jadual 2 menunjukkan perbandingan seperti berikut:

Jadual 2

Jenis-Jenis Kesilapan Bahasa antara Teks (AM1, MSADW2 dan HHII3).

Bil.	Jenis-Jenis Kesilapan Bahasa	Teks (AM1)	Teks (MSADW2)	Teks (HHII3)
1.	Kesilapan Ejaan.	150 (37. %)	158 (41.2%)	198 (55.7%)
2.	Kesilapan Penggunaan Kata.	45 (11.2%)	59 (15.5%)	115 (32.4%)
3.	Kesilapan Struktur Frasa Kerja Pasif.	17 (4.2 %)	65 (16.9 %)	12 (3.4%)
4.	Kesilapan Struktur Frasa Kerja Transitif/Tak Transitif.	179 (44.2 %)	53 (13.8 %)	9 (2.6%)
5.	Kesilapan Struktur Ayat.	14 (3.4 %)	48 (12.6 %)	21 (5.9%)
	Jumlah	405 (100%)	383 (100 %)	355 (100%)

Jadual 2 menunjukkan perbandingan jenis-jenis Kesilapan Bahasa dalam teks terjemahan Arab-Melayu yang telah dijadikan sebagai bahan (instrumen) kajian. Dapatan tersebut menunjukkan kategori kesilapan Bahasa yang paling banyak dalam teks AM1 ialah Kesilapan Struktur Frasa Kerja Transitif/Tak Transitif berjumlah 179 kesilapan (44.2%). Diikuti oleh Kesilapan Ejaan sebagai kesilapan kedua yang terbanyak, iaitu berjumlah 150 kesilapan (37 %). Seterusnya Kesilapan Penggunaan Kata sebanyak 45 kesilapan (11.2%). Sementara itu, terdapat dua Kesilapan Bahasa yang sedikit jumlahnya , iaitu Kesilapan Struktur Frasa Kerja Pasif sebanyak 17 kesilapan (4.2%) dan Kesilapan Struktur Ayat sebanyak 14 kesilapan (3.4%).

Dapatan kajian telah menunjukkan para pelajar yang menterjemah teks AM1 lemah dalam menguasai Struktur Frasa Kerja Transitif/Tak Transitif dan juga ejaan-

ejaan bahasa Melayu. Ini dapat dilihat berdasarkan jumlah kesilapan yang tinggi pada kesilapan Struktur Frasa Kerja Transitif/Tak Transitif, iaitu 179 kesilapan (44.2%) dan kesilapan Ejaan berjumlah 150 kesilapan (37%).

Dalam teks MSADW2, jadual telah mencatatkan Kesilapan Ejaan merupakan jenis kesilapan yang tertinggi, iaitu sebanyak 158 kesilapan (41.2%). Ini disusuli oleh Kesilapan Struktur Frasa Kerja Pasif berjumlah 65 (16.9%). Sementara itu kesilapan ketiga tertinggi diwakili oleh Kesilapan Penggunaan Kata sebanyak 59 kesilapan (15.5%). Manakala Kesilapan Struktur Frasa Kerja Transitif/Tak Transitif menduduki tempat ke empat dengan 53 kesilapan (13.8%). Kesilapan terendah pula ialah Kesilapan Struktur Ayat berjumlah 48 kesilapan (12.6%).

Perbandingan dapat dilihat dengan jelas pada kategori Kesilapan Ejaan berbanding kesilapan lain. Ini berpunca daripada sikap sebahagian pelajar yang tidak mengambil berat, cuai dan kurang perihatin tentang ejaan serta menulisnya dengan tulisan tangan yang sukar untuk dibaca. Kesannya, mereka banyak melakukan kesilapan ejaan dalam teks yang diterjemahkan. Sementara itu, Kesilapan Struktur Frasa Kerja Pasif, Kesilapan Penggunaan Kata, Kesilapan Struktur Frasa Kerja Transitif/Tak Transitif dan Kesilapan Struktur Ayat, memaparkan peratusan kesilapan yang hampir sama banyak. Hal ini disebabkan para pelajar tidak menguasai dan kurang memahami aspek-aspek bahasa yang disebutkan di atas.

Sementara itu dalam teks HHII3, jadual turut mencatatkan Kesilapan Ejaan mempunyai kesilapan yang tertinggi, iaitu sebanyak 198 kesilapan (55.7%). Ini disusuli oleh Kesilapan Penggunaan Kata sebanyak 115 kesilapan (32.4%). Sementara itu, Kesilapan Struktur Ayat sebanyak 21 kesilapan (5.9%) menduduki tempat ketiga

tertinggi dan Kesilapan Struktur Frasa Kerja Pasif pula mencatatkan 12 kesilapan (3.4%). Manakala kesilapan terendah dalam jadual di atas ialah Kesilapan Struktur Frasa Kerja Transitif/Tak Transitif sebanyak 9 kesilapan (2.6%) sahaja.

Dalam teks HHII3 ini, jenis kesilapan yang tertinggi adalah sama seperti dalam teks MSADW2, iaitu Kesilapan Ejaan. Penulis berpendapat terdapat sebahagian pelajar yang melakukan kerja penterjemahan dengan tergesa-gesa dan tidak menyemak kembali hasil terjemahan sebelum ia diserahkan. Kesannya, terdapat banyak kesilapan ejaan dalam teks-teks tersebut.

Peratusan dalam jadual tersebut menunjukkan Kesilapan Bahasa tertinggi ialah dalam teks AM1, iaitu sebanyak 405 kesilapan. Kesilapan kedua tertinggi ialah dalam teks MSADW2, iaitu sebanyak 383 kesilapan. Sementara itu, teks HHII3 mencatatkan kesilapan Bahasa yang terendah, iaitu 355 kesilapan.

4.2.2 Perbandingan Jenis-Jenis Kesilapan Penggunaan Penanda Wacana Antara Teks (AM1, MSADW2 dan HHII3).

Di bawah topik ini, penulis akan membincangkan perbandingan jenis-jenis Kesilapan penggunaan Penanda Wacana dalam penterjemahan ketiga-tiga teks bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu (AM1, MSADW2 dan HHII3). Kesilapan-kesilapan tersebut ialah Kesilapan Penggunaan Penanda Wacana Dengan Maksud Tambahan (additive), Kesilapan Penggunaan Penanda Wacana Dengan Maksud Lawanan (adversative), Kesilapan Penggunaan Penanda Wacana Dengan Maksud Sebab Dan Akibat (casual) dan Kesilapan Penggunaan Penanda Wacana Dengan Maksud Masa (temporal). Jadual 3 di bawah menunjukkan perbandingan tersebut:

Jadual 3

Jenis-jenis Kesilapan Penggunaan Penanda Wacana

Dalam Teks (AM1, MSADW2 dan HHII3).

Bil.	Jenis-jenis Kesilapan Penggunaan penanda Wacana	Teks (AM1)	Teks (MSADW2)	Teks (HHII3)
1.	Kesilapan penggunaan penanda wacana dengan maksud tambahan (additive).	141 (57.5 %)	143 (56.5 %)	150 (51.1%)
2.	Kesilapan penggunaan penanda wacana dengan maksud lawanan (adversative).	13 (5.3 %)	32 (12.6 %)	54 (18.3%)
3.	Kesilapan penggunaan penanda wacana dengan maksud sebab dan akibat (casual).	42 (17.1%)	61 (24.2%)	65 (22.1%)
4.	Kesilapan penggunaan penanda wacana dengan maksud masa (temporal).	49 (20.1 %)	17 (6.7%)	25 (8.5%)
	Jumlah	245 (100%)	253 (100 %)	294 (100%)

Jadual 3 di atas menunjukkan perbandingan Jenis-jenis Kesilapan Penggunaan Penanda Wacana antara Teks AM1, MSADW2 dan HHII3 yang diterjemahkan oleh pelajar-pelajar APIUM, KIWUIAM dan FPIUKM.

Dalam teks AM1, kategori kesilapan yang tertinggi ialah Kesilapan Penggunaan Penanda Wacana Dengan Maksud Tambahan (additive), iaitu sebanyak 141 kesilapan (57.5%). Manakala jumlah kesilapan kedua yang tertinggi ialah Kesilapan Penggunaan Penanda Wacana Dengan Maksud Masa (temporal), iaitu sebanyak 49 kesilapan (20.1%). Ini disusuli oleh Kesilapan Penggunaan Penanda Wacana Dengan Maksud Sebab Dan Akibat (casual), iaitu sebanyak 42 kesilapan (17.1%), Manakala Kesilapan

Penggunaan Penanda Wacana Dengan Maksud Lawanan (adversative) sebanyak 13 kesilapan (5.3%) adalah sebagai kesilapan yang terendah dalam teks AM1 ini.

Dalam teks MSADW2, jadual telah mencatatkan Kesilapan Penggunaan Penanda Wacana Dengan Maksud Tambahan (additive) berjumlah 143 kesilapan (56.5%) sebagai kesilapan tertinggi. Ini diikuti oleh Kesilapan Penggunaan Penanda Wacana Dengan Maksud Sebab Dan Akibat (casual), iaitu sebanyak 61 kesilapan (24.2%). Seterusnya, kesilapan yang ketiga tertinggi dalam teks MSADW2 ialah Kesilapan Penggunaan Penanda Wacana Dengan Maksud Lawanan (adversative) sebanyak 32 kesilapan (12.6%). Sementara itu, kesilapan terendah ialah Penggunaan Penanda Wacana Dengan Maksud Masa (temporal) berjumlah 17 kesilapan (6.7%) sahaja.

Bagi teks HHII3, kategori kesilapan yang paling tinggi ialah Kesilapan Penggunaan Penanda Wacana Dengan Maksud Tambahan (additive) sebanyak 150 kesilapan (51.1%). Manakala kesilapan kedua terbanyak ialah Kesilapan Penggunaan Penanda Wacana Dengan Maksud Sebab Dan Akibat (casual) sebanyak 65 (22.1%). Diikuti oleh kesilapan Penggunaan Penanda Wacana Dengan Maksud Lawanan (adversative) berjumlah 54 kesilapan (18.3%). Manakala jumlah kesilapan terendah, ialah Kesilapan Penggunaan Penanda Wacana Dengan Maksud Masa (temporal) sebanyak 25 kesilapan (8.5%) sahaja.

Di samping itu, jadual tersebut menunjukkan Kesilapan Penggunaan Penanda Wacana tertinggi adalah dalam teks HHII3, iaitu sebanyak 294 kesilapan. Sementara kesilapan kedua tertinggi ialah dalam teks MSADW2, iaitu sebanyak 253 kesilapan. Dan teks AM1 mencatatkan kesilapan terendah, iaitu sebanyak 245 kesilapan.

Menurut penulis, terdapat beberapa faktor yang dikenalpasti menyebabkan perbezaan jumlah kesilapan Penanda Wacana di antara ketiga-tiga teks, di antaranya ialah teks HHII3, iaitu teks "مُجْرَةُ الْحَيَاةِ إِعْجَازٌ إِلَهِيٌّ" merupakan sebuah teks penulisan yang bersifat rencana tentang kajian tempatan (geographical essay). Oleh yang demikian, fakta-fakta yang dipaparkan dalam teks tersebut telah menggunakan ayat-ayat yang ringkas, padat dan tepat. Hal ini hanya dapat digambarkan dengan penggunaan Penanda Wacana yang betul dalam terjemahan. Memandangkan para pelajar tidak menyedari perkara ini, maka mereka telah menghasilkan karya terjemahan yang tidak bermutu dan kesinambungan idea yang tidak memuaskan. Sebaliknya, teks AM1, "آفَاقُ الْمُسْتَقْبِلِ" yang merupakan sebuah rencana yang bersifat sastera telah mencatatkan peratusan kesilapan Penggunaan Penanda Wacana yang terendah. Ini adalah kerana teks ini tidak memerlukan penggunaan penanda wacana yang banyak. Oleh yang demikian, kesilapan penggunaan penanda wacana dalam teks ini kurang sedikit berbanding dengan teks HHII3.

4.2.3 Perbandingan Jenis-Jenis Kesilapan Teknik Antara Teks (AM1, MSADW2 dan HHII3).

Topik ini akan membincangkan perbandingan jenis-jenis Kesilapan Teknik dalam penterjemahan ketiga-tiga teks bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu (AM1, MSADW2 dan HHII3). Kesilapan-kesilapan tersebut ialah Kesilapan Pada Padanan Kata Yang Tidak Tepat, Kesilapan Dalam Penggunaan Istilah khusus yang tidak tepat, Kesilapan Menterjemah Frasa Idiomatik, Kesilapan Menterjemah Frasa Makna Nahū serta Kesilapan Meringkas, Membuang, Memendekkan ayat Dan Membuat Keterangan

Yang Berbelit-belit Jadual 4 di bawah menunjukkan perbandingan tersebut secara terperinci.

Jadual 4

Jenis-Jenis Kesilapan Teknik Antara Teks (AM1, MSADW2 dan HHII3).

Bil.	Jenis-Jenis Kesilapan Teknik	Teks (AM1)	Teks (MSADW2)	Teks (HHII3)
1.	Kesilapan pada padanan kata yang tidak tepat.	304 (41.3 %)	186 (35.5 %)	252 (31.2%)
2.	Kesilapan dalam penggunaan istilah khusus yang tidak tepat.	53 (7.2 %)	88 (16.8 %)	194 (24.3%)
3.	Kesilapan menterjemah frasa idiomatik.	42 (5.6 %)	12 (2.3 %)	9 (1.2%)
4.	Kesilapan menterjemah frasa makna nahu.	53 (7.2 %)	66 (12.5 %)	112 (14.1%)
5.	Kesilapan meringkas, membuang, memendekkan ayat dan membuat keterangan yang berbelit-belit.	285 (38.7 %)	173 (32.9 %)	231 (29.2%)
	Jumlah	737 (100%)	525 (100 %)	789 (100%)

Jadual 4 menunjukkan perbandingan Jenis-jenis Kesilapan Teknik antara teks AM1, MSADW2 dan HHII3 yang telah diterjemahkan oleh pelajar-pelajar APIUM, KIWUIAM dan FPIUKM.

Bagi teks AM1, kategori kesilapan yang paling tinggi ialah Kesilapan Pada Padanan Kata Yang Tidak Tepat, iaitu sebanyak 304 kesilapan (41.3%). Selepas itu, diikuti oleh Kesilapan Meringkas, Membuang, Memendekkan Ayat Dan Membuat Keterangan Yang Berbelit-Belit berjumlah 285 kesilapan (38.7%). Terdapat dua

kategori kesilapan yang menduduki tempat ketiga, iaitu Kesilapan Menterjemah Frasa Makna Nahu dan Kesilapan dalam Penggunaan Istilah Khusus Yang Tidak Tepat masing-masing berjumlah 53 kesilapan (7.2%). Manakala kesilapan yang paling sedikit ialah Kesilapan Menterjemah Frasa Idiomatik, iaitu sebanyak 42 kesilapan (5.6%).

Manakala, teks MSADW2, jadual ini telah mencatatkan Kesilapan Pada Padanan Kata Yang Tidak Tepat sebanyak 186 kesilapan (35.5%) sebagai Kesilapan yang terbanyak. Ini disusuli oleh Kesilapan Meringkas, Membuang, Memendekkan Ayat Dan Membuat Keterangan Yang Berbelit-Belit sebanyak 173 kesilapan (32.9%). Manakala Kesilapan Penggunaan Istilah Khusus Yang Tidak Tepat sebanyak 88 kesilapan (16.8%) adalah kesilapan yang ketiga tertinggi dalam teks ini,. Kesilapan seterusnya ialah Kesilapan Menterjemah Frasa Makna Nahu berjumlah 66 kesilapan (12.5%). Manakala kesilapan yang terendah sekali ialah kesilapan Menterjemah Frasa Idiomatik berjumlah 12 kesilapan (2.3%) sahaja.

Dalam teks HHII3 pula, kategori kesilapan yang tertinggi ialah Kesilapan Pada Padanan Kata Yang Tidak Tepat sebanyak 252 kesilapan (31.7%). Selepas itu, diikuti oleh Kesilapan Meringkas, Membuang, Memendekkan Ayat Dan Membuat Keterangan Yang Berbelit-Belit berjumlah 231 kesilapan (29.2%). Manakala Kategori kesilapan yang seterusnya ialah Kesilapan Dalam Penggunaan Istilah Khusus Yang Tidak Tepat sebanyak 194 kesilapan (24.3%). Kesilapan Menterjemah Frasa Makna Nahu pula sebanyak 112 (14.1%). Sementara itu, kesilapan terendah sekali ialah Kesilapan Menterjemah Frasa Idiomatik sebanyak 9 kesilapan (1.2%) sahaja.

Menerusi ketiga-tiga teks AM1, MSADW2 dan HHII3, jadual tersebut memperlihatkan Kesilapan Pada Padanan Kata Yang Tidak Tepat sebagai kesilapan

yang kerap dilakukan oleh pelajar-pelajar. Ini adalah kerana penguasaan pelajar dalam penterjemahan kedua-dua bahasa agak lemah. Tambahan pula, mereka kurang kemahiran menggunakan kamus dan lemah dalam ilmu saraf yang menyebabkan sebahagian makna perkataan tidak diketahui walaupun dirujuk kepada kamus. Sementara itu, kesilapan Menterjemah Frasa Idiomatik adalah kesilapan yang paling rendah berbanding dengan kesilapan-kesilapan yang lain. Hal ini disebabkan tek-teks tersebut tidak mempunyai frasa idiomatik yang banyak.

4.2.4 Perbandingan Kategori Kesilapan Penterjemahan Antara Pelajar-Pelajar

APIUM, KIWUIAM, FPIUKM Dalam Keseluruhan Teks.

Topik ini akan membincangkan perbandingan jenis-jenis kesilapan penterjemahan antara Pelajar-Pelajar APIUM, KIWUIAM, FPIUKM yang terhasil dalam analisis dapatan kajian. Kategori kesilapan yang akan dilihat merangkumi Kesilapan Bahasa, Kesilapan Penanda Wacana dan Kesilapan Teknik. Bagi memudahkan bacaan data, penulis telah membentuk jadual yang menunjukkan perbandingan kategori kesilapan dalam penterjemahan antara Pelajar-Pelajar tersebut dalam keseluruhan teks. Jadual tersebut dapat dilihat seperti berikut:

Jadual 5

**Jenis-Jenis Kesilapan Penterjemahan Antara Pelajar-Pelajar APIUM,
KIWULAM, FPIUKM Dalam Keseluruhan Teks.**

Jenis-Jenis Kesilapan	APIUM	KIWUIAM	FPIUKM
Kesilapan Bahasa	362 (28.1 %)	381 (27.9 %)	400 (30.4%)
Kesilapan Penanda Wacana	242 (18.8 %)	263 (19.4 %)	287 (21.8 %)
Kesilapan Teknik	683 (53.1 %)	718 (52.7 %)	630 (47.8 %)
Jumlah keseluruhan	1287	1362	1317

Berdasarkan jadual di atas, jumlah kesilapan penterjemahan tertinggi telah dicatatkan oleh-oleh pelajar-pelajar KIWUIAM sebanyak 1362 kesilapan, diikuti oleh pelajar-pelajar FPIUKM sebanyak 1317 kesilapan dan kesilapan yang paling sedikit dicatatkan oleh pelajar-pelajar APIUM sebanyak 1287 kesilapan. Bagi Kesilapan Bahasa pelajar-pelajar FPIUKM telah mencatatkan kesilapan yang tertinggi sebanyak 400 kesilapan (30.4%), diikuti oleh pelajar-pelajar KIWUIAM sebanyak 381 kesilapan (27.9%). Manakala pelajar-pelajar APIUM mencatatkan jumlah kesilapan yang paling rendah sebanyak 362 (28.1).

Sementara itu, bagi Kesilapan Penanda Wacana pelajar-pelajar FPIUKM telah mengatasi pelajar-pelajar lain dengan kesilapan sebanyak 287 kesilapan (21.8 %) kemudian, diikuti oleh pelajar-pelajar KIWUIAM sebanyak 263 kesilapan (19.4%) dan kesilapan yang paling sedikit dicatatkan oleh pelajar-pelajar APIUM berjumlah 242 kesilapan (18.8 %).

Bagi kategori Kesilapan Teknik pula, kesilapan tertinggi dicatatkan oleh pelajar-pelajar KIWULAM sebanyak 718 kesilapan (52.7%), diikuti oleh pelajar-pelajar APIUM berjumlah 683 kesilapan (53.1 %). Sementara kesilapan yang terendah telah dicatatkan oleh pelajar-pelajar FPIUKM berjumlah 630 kesilapan (47.8%)

Perbezaan ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor, di antaranya ialah faktor bahasa. Para pelajar amat lemah di dalam menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa penulisan. Selain itu, faktor kekurangan dan ketiadaan pengalaman menterjemahkan teks dari bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu juga memainkan peranan dalam menentukan peratusan kesilapan yang dilakukan. Demikian juga, kelemahan para pelajar memahami teks bahasa Arab turut mempengaruhi perbezaan peratusan yang dicapai oleh pelajar-pelajar.

4.2.5. Perbandingan Jenis- Jenis Kesilapan Bahasa Antara Pelajar-Pelajar

APIUM, KIWULAM dan FPIUKM Dalam Keseluruhan Teks.

Topik ini akan membincangkan perbandingan jenis-jenis Kesilapan Bahasa dalam keseluruhan teks antara pelajar-pelajar APIUM, KIWULAM dan FPIUKM. Jenis-jenis kesilapan yang akan dibincangkan ialah Kesilapan Ejaan, Kesilapan Penggunaan Kata, Kesilapan Struktur Frasa Kerja Pasif, Kesilapan Struktur Frasa Kerja Transitif/Tak Transitif dan Kesilapan Struktur Ayat. Jadual 6 di bawah menunjukkan perbandingan jenis-jenis Kesilapan Bahasa dalam Keseluruhan teks seperti yang berikut:

Jadual 6

Jenis- Jenis Kesilapan Bahasa Antara Pelajar-Pelajar APIUM KIWUI dan FPIUKM Dalam Keseluruhan Teks.

Bil.	Jenis- Jenis Kesilapan Bahasa Dalam Keseluruhan Teks.	APIUM	KIWUIAM	FPIUKM
1.	Kesilapan ejaan.	126 (34.8%)	120 (31.5%)	148 (37.1%)
2.	Kesilapan penggunaan kata.	54 (14.9%)	72 (18.9%)	82 (20.5%)
3.	Kesilapan struktur frasa kerja pasif.	34 (9.3%)	38 (9.9%)	37 (9.2%)
4.	Kesilapan struktur frasa kerja transitif/tak transitif.	116 (32.2%)	115 (30.2%)	97 (24.2%)
5.	Kesilapan struktur ayat.	32 (8.8%)	36 (9.5%)	36 (9%)
	Jumlah	362 (100%)	381 (100%)	400 (100%)

Jadual 6 menunjukkan perbandingan jenis-jenis Kesilapan Bahasa antara pelajar-pelajar APIUM, KIWUIAM dan FPIUKM dalam keseluruhan teks. Bagi pelajar APIUM, kategori kesilapan yang tertinggi ialah Kesilapan Ejaan berjumlah 126 kesilapan (34.8%), diikuti oleh Kesilapan Struktur Frasa Kerja Transitif/Tak Transitif sebanyak 116 kesilapan (32.2%). Sementara itu, Kesilapan Penggunaan Kata berjumlah 54 kesilapan (14.9%). Manakala Kesilapan Struktur Frasa Kerja Pasif pula, sebanyak 34 kesilapan (9.3%) dan Kesilapan Struktur Ayat sebanyak 32 kesilapan (8.8%) sebagai kesilapan yang terendah.

Hal ini disebabkan para pelajar kurang memberi perhatian terhadap Struktur Frasa Kerja Transitif dan Tak Transitif dalam terjemahan mereka. Sementara itu

kesilapan ejaan berlaku disebabkan kecuaian para pelajar yang tidak menyemak kembali terjemahan yang dihasilkan.

Selain itu, Jenis-jenis kesilapan bahasa ini turut berlaku di kalangan pelajar-pelajar KIWUIAM dan FPIUKM. Kesilapan yang paling tinggi bagi kedua-dua kumpulan pelajar ini ialah Kesilapan Ejaan sebanyak 120 kesilapan (31.5%) bagi pelajar-pelajar KIWUIAM dan 148 kesilapan (37.1%) bagi pelajar-pelajar FPIUKM. Manakala kesilapan Struktur Frasa Kerja Transitif/Tak Transitif, pelajar-pelajar KIWUIAM telah melakukan sebanyak 115 kesilapan (30.2%) dan pelajar-pelajar FPIUKM telah melakukan sebanyak 97 kesilapan (24.2%). Hal ini juga disebabkan mereka kurang memberi perhatian terhadap Struktur Frasa Kerja Transitif dan Tak Transitif dalam terjemahan mereka.

Bagi kategori Kesilapan Penggunaan Kata pula, pelajar-pelajar KIWUIAM telah melakukan sebanyak 72 kesilapan (18.9%), manakala pelajar-pelajar FPIUKM telah melakukan sebanyak 82 kesilapan (20.5%). Sementara itu, bagi kategori Kesilapan Struktur Frasa Kerja Pasif, pelajar-pelajar dari KIWUIAM telah mencatatkan 38 kesilapan (9.9%) dan pelajar-pelajar FPIUKM pula, mencatatkan 37 kesilapan (9.2%). Bagi Kesilapan Struktur Ayat pula, kedua-dua kumpulan pelajar ini mencatatkan jumlah kesilapan yang sama sebanyak 36 kesilapan (9.5%) bagi pelajar-pelajar dari KIWUIAM dan (9%) bagi pelajar-pelajar FPIUKM.

Jadual 6 juga turut memaparkan perbandingan jumlah kesilapan yang tertinggi dan terendah antara pelajar universiti. Kesilapan bahasa tertinggi dalam keseluruhan teks dicatatkan oleh pelajar-pelajar FPIUKM berjumlah 400 kesilapan. Diikuti oleh

pelajar-pelajar KIWUIAM berjumlah 381 kesilapan. Manakala pelajar-pelajar APIUM mencatatkan jumlah kesilapan yang terendah sebanyak 362 kesilapan.

4.2.6. Perbandingan Jenis-Jenis Kesilapan Penggunaan Penanda Wacana Antara Pelajar-Pelajar APIUM, KIWUIAM dan FPIUKM Dalam Keseluruhan Teks.

Di bawah topik ini, penulis akan membincangkan perbandingan jenis-jenis Kesilapan Penggunaan Penanda Wacana antara pelajar-pelajar APIUM, KIWUIAM dan FPIUKM dalam Keseluruhan Teks. Jenis-jenis kesilapan yang akan dibincangkan ialah Kesilapan Penggunaan Penanda Wacana Dengan Maksud Tambahan (additive), Kesilapan Penggunaan Penanda Wacana Dengan Maksud Lawanan (adversative), Kesilapan Penggunaan Penanda Wacana Dengan Maksud Sebab Dan Akibat (casual) dan Kesilapan Penggunaan Penanda Wacana Dengan Maksud Masa (temporal). Jadual 7 di bawah menunjukkan perbandingan jenis-jenis kesilapan ini dalam keseluruhan teks seperti yang berikut:

Jadual 7

Jenis-Jenis Kesilapan Penggunaan Penanda Wacana Antara Pelajar-Pelajar

APIUM, KIWUIAM Dan FPIUKM Dalam Keseluruhan Teks.

Bil.	Jenis-Jenis Kesilapan Penggunaan Penanda Wacana Dalam Teks AM1	APIUM	KIWUIAM	FPIUKM
1.	Kesilapan penggunaan penanda wacana dengan maksud tambahan (additive).	116 (47.7%)	122 (46.4%)	139 (48.4%)
2.	Kesilapan penggunaan penanda wacana dengan maksud lawanan (adversative).	44 (18.6%)	53(20.2%)	48 (16.8%)
3.	Kesilapan penggunaan penanda wacana dengan maksud sebab dan akibat (casual).	60 (24.7%)	67 (25.5%)	67 (23.4 %)
4.	Kesilapan penggunaan penanda wacana dengan maksud masa (temporal).	22 (9%)	21 (7.9%)	33 (11.4%)
	Jumlah	242 (100%)	263 (100%)	287 (100%)

Jadual 7 di atas menunjukkan kesilapan Penggunaan Penanda Wacana yang telah dilakukan oleh para pelajar. Kategori kesilapan yang paling tinggi dilakukan oleh pelajar APIUM ialah Kesilapan Penggunaan Penanda Wacana Dengan Maksud Tambahan (additive) sebanyak 116 kesilapan (47.7%). Seterusnya diikuti oleh Kesilapan Penggunaan Penanda Wacana Dengan Maksud Sebab dan Akibat (casual) sebanyak 60 kesilapan (24.7%). Manakala Kesilapan Penggunaan Penanda Wacana Dengan Maksud Lawanan (adversative) pula, mencatatkan sebanyak 44 kesilapan (18.6%). Jumlah kesilapan paling rendah pula ialah Kesilapan Penggunaan Penanda Wacana Dengan Maksud Masa (temporal) berjumlah 22 kesilapan (9%) sahaja. Secara umumnya penggunaan penanda wacana dalam teks terjemahan oleh pelajar-pelajar

APIUM adalah sederhana. Ini dapat dilihat dengan jumlah kesilapan yang dilakukan oleh mereka berbanding dengan pelajar-pelajar KIWUIAM dan FPIUKM.

Sementara itu, bagi pelajar-pelajar KIWUIAM jadual telah mencatatkan Kesilapan Penggunaan Penanda Wacana Dengan Maksud Tambahan (additive) sebagai kesilapan yang tertinggi sebanyak 122 kesilapan (46.4%). Diikuti oleh Kesilapan Penggunaan Penanda Wacana Dengan Maksud Sebab Dan Akibat (casual) berjumlah 67 kesilapan (25.5%). Seterusnya, kesilapan yang ketiga tertinggi ialah Kesilapan Penggunaan Penanda Wacana Dengan Maksud Lawanan (adversative) sebanyak 53 kesilapan (20.2%). Manakala kesilapan yang paling rendah ialah Kesilapan Penggunaan Penanda Wacana Dengan Maksud Masa (temporal) sebanyak 21 kesilapan (7.9%) sahaja.

Bagi pelajar-pelajar FPIUKM pula, jadual telah mencatatkan Kesilapan Penggunaan Penanda Wacana Dengan Maksud Tambahan (additive) sebagai kesilapan yang tertinggi sebanyak 139 kesilapan (48.4%). Diikuti oleh Kesilapan Penggunaan Penanda Wacana Dengan Maksud Sebab Dan Akibat (casual) berjumlah 67 kesilapan (23.4%). Seterusnya, kesilapan yang ketiga tertinggi ialah Kesilapan Penggunaan Penanda Wacana Dengan Maksud Lawanan (adversative) sebanyak 48 kesilapan (16.8%). Manakala yang paling rendah ialah Kesilapan Penggunaan Penanda Wacana Dengan Maksud Masa (temporal) sebanyak 33 kesilapan (11.4%) sahaja. Hal ini terjadi disebabkan pelajar-pelajar FPIUKM kurang mahir dan tidak banyak menggunakan penanda wacana dalam terjemahan mereka. Sedangkan penggunaan penanda wacana sangat penting bagi menghubungkan idea-idea antara satu ayat dengan ayat yang lain.

Jadual 7 juga turut memaparkan perbandingan jumlah kesilapan yang tertinggi dan terendah antara para pelajar tersebut. Jadual tersebut menunjukkan Kesilapan Penggunaan Penanda Wacana tertinggi telah dicatatkan oleh pelajar-pelajar FPIUKM sebanyak 287 kesilapan, diikuti oleh pelajar-pelajar KIWUIAM sebanyak 263 kesilapan, manakala pelajar-pelajar APIUM mencatatkan jumlah kesilapan yang terendah, iaitu 242 kesilapan.

4.2.7 Perbandingan Jenis- Jenis Kesilapan Teknik Antara Pelajar-Pelajar APIUM, KIWUIAM dan FPIUKM Dalam Keseluruhan Teks.

Topik ini akan membincangkan perbandingan jenis-jenis Kesilapan Teknik antara pelajar-pelajar APIUM, KIWUIAM dan FPIUKM dalam keseluruhan teks. Jenis-jenis kesilapan yang akan dibincangkan ialah Kesilapan Pada Padanan Kata Yang Tidak Tepat, Kesilapan Dalam Penggunaan Istilah khusus Yang Tidak Tepat, Kesilapan Menterjemah Frasa Idiomatik, Kesilapan Menterjemah Frasa Makna Nahu dan Kesilapan Meringkas, Membuang, Memendekkan Ayat Dan Membuat Keterangan Yang Berbelit-Belit. Jadual 8 di bawah menunjukkan perbandingan jenis-jenis kesilapan ini dalam penterjemahan keseluruhan teks seperti berikut:

Jadual 8

Jenis-Jenis Kesilapan Teknik Antara Pelajar-Pelajar APIUM, KIWUIAM dan FPIUKM Dalam Keseluruhan Teks.

Bil.	Jenis-Jenis Kesilapan Teknik Pada Keseluruhan Teks.	APIUM	KIWUIAM	FPIUKM
1.	Kesilapan pada padanan kata yang tidak tepat.	253 (37%)	250 (34.8%)	234 (37.2%)
2.	Kesilapan dalam penggunaan istilah khusus yang tidak tepat.	119 (17.4%)	136 (18.9%)	112 (17.7%)
3.	Kesilapan menterjemah frasa idiomatik.	21 (3.2%)	17 (2.4%)	20 (3.2%)
4.	Kesilapan menterjemah frasa makna nahu.	70 (10.2%)	77 (10.7%)	70 (11.2%)
5.	Kesilapan meringkas, membuang, memendekkan ayat dan membuat keterangan yang berbelit-belit.	220 (32.2%)	238 (33.2%)	194 (30.7%)
	Jumlah	683 (100%)	718 (100%)	630 (100%)

Jadual 8 di atas menunjukkan perbandingan Jenis-Jenis Kesilapan Teknik antara pelajar-pelajar APIUM, KIWUIAM dan FPIUKM dalam keseluruhan Teks. Bagi pelajar APIUM, kategori kesilapan yang tertinggi ialah Kesilapan Pada Padanan Kata Yang Tidak Tepat, iaitu sebanyak 253 kesilapan (37%). Selepas itu, diikuti oleh Kesilapan Meringkas, Membuang, Memendekkan Ayat Dan Membuat Keterangan Yang Berbelit-Belit berjumlah 220 kesilapan (32.2%). Sementara itu, Kesilapan dalam Penggunaan Istilah Khusus Yang Tidak Tepat pula mencatatkan sebanyak 119 kesilapan (17.4%). Manakala kesilapan Menterjemah Frasa Makna Nahu mencatatkan

70 kesilapan (10.2%). Kesilapan yang terendah ialah oleh Kesilapan Menterjemah Frasa idiomatik sebanyak 21 kesilapan (3.2%) sahaja.

Bagi pelajar KIWUIAM, kategori kesilapan yang tertinggi ialah Kesilapan Pada Padanan Kata Yang Tidak Tepat, iaitu sebanyak 250 kesilapan (34.8%). Selepas itu, diikuti oleh Kesilapan Meringkas, Membuang, Memendekkan Ayat Dan Membuat Keterangan Yang Berbelit-Belit berjumlah 238 kesilapan (33.2%). Manakala Kesilapan dalam Penggunaan Istilah Khusus Yang Tidak Tepat pula, mencatatkan sebanyak 136 kesilapan (18.9%). Bagi Kesilapan Menterjemah Frasa Makna Nahu, ia telah mencatatkan 77 kesilapan (10.7%). Manakala kesilapan yang terendah ialah Kesilapan Menterjemah Frasa idiomatik sebanyak 17 kesilapan (2.4%) sahaja. Perbuatan meringkas dan memendekkan ayat dikenalpasti sebagai punca pelajar-pelajar KIWUIAM banyak melakukan kesilapan ini. Hal ini berlaku disebabkan pelajar-pelajar tidak sedar bahawa perbuatan tersebut menyalahi peraturan dan dasar dalam penterjemahan.

Sementara itu, bagi pelajar FPIUKM, kategori kesilapan yang tertinggi ialah Kesilapan Pada Padanan Kata Yang Tidak Tepat, iaitu sebanyak 234 kesilapan (37.2%). Selepas itu, diikuti oleh Kesilapan Meringkas, Membuang, Memendekkan Ayat Dan Membuat Keterangan Yang Berbelit-Belit berjumlah 194 kesilapan (30.7%). Manakala Kesilapan dalam Penggunaan Istilah Khusus Yang Tidak Tepat pula, mencatatkan sebanyak 112 kesilapan (17.7%). Kesilapan Menterjemah Frasa Makna Nahu pula telah mencatatkan 70 kesilapan (11.2%). Manakala kesilapan yang terendah ialah Kesilapan Menterjemah Frasa idiomatik sebanyak 20 kesilapan (3.2%) sahaja.

4.3 Penutup

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan jumlah kesilapan tertinggi yang dilakukan oleh keseluruhan pelajar ialah Kesilapan Teknik. Ini diikuti oleh Kesilapan Bahasa. Manakala kesilapan Penggunaan Penanda Wacana mencatatkan jumlah kesilapan yang terendah. Senario ini membuktikan bahawa tahap kemahiran pelajar dalam penterjemahan teks Arab ke dalam bahasa Melayu berada ditahap yang masih lemah. Hal ini boleh di atasi dengan memberikan pendedahan kepada pelajar-pelajar tentang teknik, teori, dasar dan prinsip penterjemahan kepada mereka dalam bidang pengajaran dan pembelajaran di perigkat Sekolah Mengengah dan juga di pusat-pusat Pengajian Tinggi Awam di dalam negara kita.